

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 28.11.2025 MASA: 11:45PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN *SHOREBIRD FESTIVAL 2025:*
SHARED SPACES, SHARED FUTURE

TARIKH / MASA / TEMPAT
29 NOVEMBER 2025 (SABTU)
2.30 PETANG

DEWAN NELAYAN SUNGAI TEMBUS, PENAGA
SEBERANG PERAI UTARA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

- 1. Yang Berusaha Dr Nur Munira Binti Azman**
Coordinator of Shorebirds Peninsular Malaysia Project
(SPMP)
- 2. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**
Majlis Bandaraya Seberang Perai
- 3. Yang Berusaha Puan Normaira Binti Abdul Rahman**
Pengarah Pembangunan Lestari Merangkap Penyelaras
Shorebird Festival 2025 : Shared Spaces, Shared Future
4. Ketua-Ketua Jabatan dan Pengawai-Pengawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai
5. Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. **Alhamdulillah**, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh makna ini dalam **Majlis Perasmian *Shorebird Festival 2025: Shared Spaces, Shared Future***.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak **Coordinator of Shorebirds Peninsular Malaysia Project (SPMP); Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); Nature Educational Society (NEST); Canon Malaysia;** agensi Kerajaan dan swasta; rakan-rakan strategik; rakan media serta warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
3. Penghargaan khusus juga saya titipkan kepada komuniti Seberang Perai, khususnya warga Penaga yang menjadi nadi *festival* ini. Terima kasih kerana terus bersama MBSP dalam menjayakan agenda pemuliharaan alam sekitar di bumi bertuah ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. *Shorebird Festival* bukan sekadar sebuah acara komuniti, tetapi sebuah **platform ilmu, kesedaran, dan penyatuan masyarakat** untuk meraikan keunikan burung pantai hijrah serta ekosistem bakau

dan dataran lumpur di Teluk Air Tawar–Kuala Muda (TAT–KM). Kawasan yang kita banggakan ini merupakan antara lokasi terpenting di rantau Asia Tenggara bagi burung migrasi, khususnya sepanjang laluan **East Asian–Australasian Flyway**.

5. Setiap tahun, ribuan; malah puluhan ribu, burung migrasi dari Rusia, China, Jepun dan Korea menjadikan Penaga, Kuala Muda dan Teluk Air Tawar sebagai hentian utama untuk berehat, mencari makan dan meneruskan perjalanan jauh merentas benua. Kehadiran mereka bukan sahaja bernilai dari segi ekologi, tetapi turut memberi sumbangan kepada sektor penyelidikan, pendidikan, dan eko-pelancongan.

Hadirin sekalian,

6. Tema tahun ini, “*Shared Spaces, Shared Future*”, membawa pesan yang sangat mendalam. Ia mengingatkan kita bahawa bumi ini merupakan ruang kehidupan yang dikongsi bersama; manusia, flora, fauna, dan seluruh ekosistem yang saling bergantung antara satu sama lain. Pemeliharaan habitat bukan tanggungjawab MBSP semata-mata, tetapi usaha bersama yang menggabungkan kepakaran penyelidik, komitmen NGO, sokongan industri, dan kesedaran komuniti.
7. Lebih banyak kita memahami peranan ekologi pantai dan migrasi burung, lebih besar kesedaran untuk mempertahankan khazanah

alam ini. Setiap spesies mempunyai hak untuk hidup; setiap ekosistem mempunyai peranan dalam menjamin kelestarian bumi; dan setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan warisan ini terus dinikmati generasi mendatang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. *Festival* pada tahun ini amat istimewa kerana merangkumi pelbagai aktiviti berbentuk pendidikan, penyelidikan dan interaksi komuniti seperti ***Shorebird Photo Race, Sungai Tembus Photo Contest, Canon Photography Workshop***, lawatan pemerhatian burung, forum eko-pelancongan, pameran, permainan pendidikan untuk pelajar sekolah serta aktiviti bersama komuniti nelayan.
9. Keunikan kawasan seluas hampir **600 hektar** di Teluk Air Tawar–Kuala Muda ini, kaya dengan hasil laut, ekosistem bakau serta sumber organisma marin yang telah menjadi habitat ideal bagi lebih **15,000 ekor burung migrasi setiap musim**. Justeru, penglibatan komuniti setempat, khususnya nelayan dan penduduk Sungai Tembus, adalah amat penting dalam memastikan kelestarian kawasan ini terus terpelihara daripada ancaman pembangunan tidak terkawal.
10. Sebagai Datuk Bandar, saya berharap *festival* ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pemuliharaan alam sekitar, menggalakkan penglibatan anak muda dalam bidang penyelidikan dan fotografi hidupan liar, serta memperkukuh kerjasama antara MBSP,

NGO, institusi pendidikan dan industri. Saya juga berharap ia menyemarakkan eko-pelancongan mampan dan menanam rasa tanggungjawab bersama dalam memelihara khazanah alam yang kita warisi ini.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengajak semua yang hadir untuk memanfaatkan *festival* ini sebagai ruang pembelajaran, refleksi dan tindakan bersama. Semoga usaha kita hari ini menjadi amal berterusan (*amal jariah*) untuk generasi yang akan datang. Saya yakin dengan semangat bersama ini, Seberang Perai akan terus unggul bukan sahaja sebagai Bandaraya Rendah Karbon dan mesra komuniti, tetapi juga sebagai model pemuliharaan alam sekitar yang diteladani di Malaysia.
12. Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan ***Shorebird Festival 2025: Shared Spaces, Shared Future.***

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.